

**PAS: Peguam negara tidak sensitif gesaan Raja Melayu dalam isu 1MDB**  
**Malaysian Insider**  
**Oct 16, 2015**

PAS membidas Jabatan Peguam Negara kerana tidak sensitif dengan gesaan Majlis Raja-raja Melayu yang mendesak supaya isu membabitkan syarikat sarat hutang, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diselesaikan segera.

Timbalan Presiden PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, tindakan Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali yang masih tidak membuat pendakwaan ke atas syarikat bermasalah itu menyebabkan 1MDB dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak masih teguh.

"Ternyata hidung peguam negara tidak sesensitif hidung Majlis Raja-raja yang turut menggesa agar krisis 1MDB diselesaikan dengan cepat," kata Tuan Ibrahim dalam satu kenyataan hari ini.

Lebih menghairankan lagi menurut Tuan Ibrahim, kesalahan cuba ditujukan kepada pihak lain walhal syarikat yang berhutang dan terlibat dalam kontroversi 1MDB seolah-olah tidak melakukan kesalahan.

"Pihak yang meminjam duit merata-rata sehingga hutangnya menggerunkan kini tidak lagi dipersalahkan. Kesalahan ini sekarang cuba diletak pada pihak lain.

"Itulah yang sedang berlaku – apabila Jabatan Peguam Negara meletakkan Bank Negara Malaysia sebagai pihak yang cuai di dalam krisis 1MDB.

"Apakah peguam negara tidak dapat menghidu yang 1MDB ini bermasalah?" katanya.

Lebih membimbangkan ialah 1MDB kini tidak perlu lagi berdepan Jawatankuasa Kira-Kira Negara (PAC) kerana sudah terubur akibat pelantikan beberapa ahlinya ke dalam Kabinet, malah Najib sendiri yang juga penaung syarikat tersebut belum disiasat oleh pihak berkuasa, kata Tuan Ibrahim.

"Yang hebatnya ialah sehingga kini 1MDB masih tidak perlu berdepan dengan PAC dan perdana menteri pula belum disoal oleh polis mahupun SPRM.

" Jikalau semua kejadian ini dijadikan kayu ukuran kepada 1MDB, ini boleh dikira sebagai krisis terbesar negara," katanya.

Pada 6 Oktober, Majlis Raja-raja Melayu mengeluarkan kenyataan menggesa kerajaan menyelesaikan secepat mungkin siasatan berkaitan 1MDB dan mengambil tindakan tegas sewajarnya terhadap pihak-pihak yang terlibat.

Ia turut menegaskan semua pihak bertanggungjawab untuk memberi kerjasama yang sebenar dan jujur agar usaha serta maksud siasatan tersebut berjaya kerana bimbang jika isu ini tidak ditangani secara bijak, apatah lagi jika berlarutan dan

memakan masa terlalu lama, ia berpotensi menjejaskan keadaan ekonomi negara dan memudaratkan kehidupan rakyat jelata.

Ia juga dikhuatiri berkemungkinan pula menjejaskan ketenteraman awam serta keselamatan negara. – 16 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-peguam-negara-tidak-sen-sitif-gesaan-raja-melayu-dalam-isu-1mdb>